



جَاهِيَّةِ مُفْتَیِّ نَحْرَى سِلَانْجُور

# PANDUAN

## PENGURUSAN PENGKEBUMIAN JENAZAH

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

## **SETINTA BICARA**

SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI SELANGOR

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji kehadrat Allah SWT serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menjadi cermin keteladanan buat ummah sepanjang zaman, serta kepada seluruh keluarga baginda, para sahabat dan mereka yang senantiasa mengikut jejak Baginda hingga ke hari perhitungan kelak.

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT di atas nikmat hidayah dan izinnya Jabatan Mufti Negeri Selangor telah berjaya menyediakan Garis Panduan Pengurusan Pengkebumian Jenazah ini.

Sekalung penghargaan dan tahniah saya kepada Ashabul Fadhilah Dato'-dato' serta Ahli-ahli Jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor sebelum ini di atas curahan ilmu dan kepakaran masing-masing dalam penghasilan garis panduan yang selaras dengan keperluan semasa umat Islam. Justeru, sumbangan dan bakti ilmu ini telah merungkai pelbagai persoalan dan permasalahan yang berlaku di dalam masyarakat yang memerlukan panduan untuk keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan syabas saya tujukan kepada para petugas dan urus setia yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses penyediaan dan pembukuan garis panduan ini. Semoga amal bakti dan keringat yang dicurahkan diterima sebagai amal soleh yang akan memberatkan neraca timbangan di akhirat kelak.

Akhir kata, Semoga melalui penerbitan buku ini dapat memberikan sedikit sebanyak manfaat dan dijadikan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat khususnya di Negeri Selangor dan di Malaysia amnya. Segala kecemasan dan kekurangan yang berlaku dalam penerbitan buku ini boleh dimaafkan dan sedia menerima teguran dan nasihat.

Sekian Wassalam.

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID  
SSIS.,DPMS.,PPT.  
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor

## > PENDAHULUAN

---

Pengurusan jenazah merupakan salah satu ibadah yang dikategorikan sebagai "Fardhu Kifayah". Tuntutan ini apabila telah disempurnakan oleh satu kumpulan atau individu maka terlepaslah kewajipan kumpulan atau individu yang lain. Dalam menguruskan jenazah, seringkali berlaku penyerapan adat-adat lama yang tidak terdapat dalam syariat Islam. Ini merupakan tokok tambah yang tiada asas dan sumbernya.

Justeru, adalah diharapkan buku ini akan menjadi panduan kepada masyarakat mengenai hal ehwal pengkebumian jenazah yang selaras dengan syariat Islam.

## > OBJEKTIF

---

- i. Memberi penjelasan kepada masyarakat tentang tatacara pengkebumian jenazah berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran, as-Sunnah dan ulama' yang mu'tabar.
- ii. Menyedarkan masyarakat Islam mengenai hukum dan kaifiyat dalam pengkebumian jenazah yang bertepatan dengan syariat Islam.

## 1. > KEWAJIPAN WARIS

---

Berikut antara kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh waris ketika berlaku kematian:

- i. Menghebahkan kematian kepada keluarga dan ahli kariah.
- ii. Mengumpulkan ahli keluarga terdekat untuk sama-sama menguruskan jenazah seperti memandi, mengkafan, menyembahyang dan mengkebumikannya. Sebaik-baiknya hendaklah dikendalikan oleh waris terdekat dimulai dengan anak-anak dan diikuti oleh waris-waris

lain yang sama jantinanya. Walau bagaimanapun, bagi menyempurnakan urusan - urusan tersebut digalakkan mendapat bimbingan mereka yang mahir untuk mengetuainya.

- iii. Adalah afdhal menggunakan harta si mati untuk menyelesaikan segala kos keperluan pengurusan jenazah. Walau bagaimanapun diharuskan pihak lain seperti masjid, takaful, khairat kematian dan lain-lain untuk membayai kos tersebut.
- iv. Mengambil tanggungjawab tentang kewajipan si mati dengan melunaskan hutang piutang sesama manusia dan kepada Allah SWT seperti zakat, nazar, fidyah, kaffarah dengan harta peninggalan si mati. Sekiranya si mati tiada meninggalkan harta, maka warisnya bertanggungjawab menyelesaikannya.
- v. Melaksanakan wasiat si mati dengan memastikan ia tidak melebihi satu pertiga daripada harta peninggalannya.
- vi. Menyegerakan pembahagian harta pusaka kepada ahli waris mengikut hukum syara' (faraidh).


## 2. > PENGKEBUMIAN

---

- i. Jenazah hendaklah dikebumikan di tanah perkuburan yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa.
- ii. Lebih utama jenazah dikebumikan di tempat dia meninggal dunia. Menurut Mazhab Shaf'i **haram** memindah jenazah sekalipun belum berubah keadaannya, kerana ia akan melambat, menyakiti dan kemungkinan menjelaskan kehormatan jenazah. Walau bagaimanapun **harus** dipindahkan dari tempat ia meninggal dunia ke tempat lain dengan sebab-sebab yang munasabah.
- iii. Wasiat si mati supaya dikebumikan di tempat tertentu tidaklah menjadi kesalahan sekiranya tidak dilaksanakan.

### 3. > KUBUR

- i. Pastikan arah kiblat kubur betul ketika disediakan untuk mengkebumikan jenazah.
- ii. Penyediaan kubur hendaklah mengambil kira keadaan tanahnya untuk melindungi jenazah daripada tanah runtuh,dibongkar oleh binatang buas dan terkeluar bau busuk.
- iii. Kelaziman ukuran kubur yang dilakukan oleh masyarakat Islam adalah sekurang-kurangnya **6 Kaki Dalam Dan 2 Kaki Lebar**.(1.8 meter dalam dan 0.6 meter)
- iv. Pengkebumian secara **liang lahad (ditepi)** lebih afdhaf sekiranya tanah perkuburan itu keras. Sekiranya tanah tersebut lembut, liang tengah (teraju) lebih sesuai. Seperti dalam gambarajah:



### 4. > MEMBAWA DAN MENGIRINGI JENAZAH KE KUBUR

- i. Lelaki digalakkan (sunat) mengiringi jenazah ke kubur, sementara wanita hukumnya makruh.

- ii. Disunatkan orang yang mengiringi jenazah berjalan di hadapan jenazah.
- iii. Disunatkan membawa jenazah ke kubur dengan cara diusung. Walau bagaimanapun harus menggunakan kenderaan.
- iv. Sunat mendahuluikan kepala jenazah ketika mengusung ke tanah perkuburan.

## 5. > MENZIARAH KUBUR

- i. Sunat bagi lelaki menziarahi kubur. Sementara bagi wanita hukumnya makruh dan haram jika mendatangkan fitnah.
- ii. Tiada masa tertentu bagi menziarahi kubur dan disunatkan menziarahinya untuk tujuan mengingati mati.

## 6. > MENGKEBUMIKAN JENAZAH

Menurunkan jenazah ke dalam kubur.

- i. Disunatkan membaca do'a berikut ketika menurunkan jenazah ke dalam kubur:

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى سُنْنَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

atau:

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

- ii. Keluarga si mati afdhal memasukkan jenazah ke dalam kubur.
- iii. Lelaki yang faqih atau yang soleh afdhal menurunkan jenazah ke dalam kubur.
- iv. Orang yang afdhal mengkebumikan ialah mereka yang lebih utama mengimamkan solat jenazah dari sudut darjat nasab. Didahuluikan bapa, datuk, anak lelaki, cucu lelaki, saudara dan seterusnya (ke atas/ke bawah).


- v. Disunatkan bilangan ganjil jumlah orang yang bertugas mengkebumikan jenazah.
- vi. Disunatkan ada penghadang pandangan orang ramai ketika memasukkan jenazah ke dalam kubur terutama jenazah perempuan dengan menggunakan kain atau seumpamanya.
- vii. Disunatkan lelaki memasukkan jenazah ke dalam kubur.
- viii. Makruh mengkebumikan jenazah pada waktu terlarang seperti:
  - Ketika terbitnya matahari.
  - Ketika matahari di pertengahan langit.
  - Ketika matahari terbenam.
- ix. Harus mengkebumikan jenazah pada waktu malam.  
Maksud Hadis :"Nabi SAW dikebumikan pada waktu malam, sebagaimana yang disebut oleh imam Ahmad daripada hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah RA.

#### Kedudukan jenazah di dalam kubur

- i. Wajib diletakkan jenazah dalam keadaan mengiringi di atas rusuk kanan supaya dada dan muka menghadap kiblat.
- ii. Sunat diletakkan tanah sebagai bantal di kepala jenazah.
- iii. Sunat membuka semua ikatan yang mengikat kafan jenazah.
- iv. Membuka kafan di muka dan merapatkan pipi kanan jenazah sehingga menyentuh tanah.
- v. Jenazah yang dikebumikan dalam keranda sebelum diturunkan ke dalam kubur, wajib diiringkan ke arah kiblat. Buka semua ikatan kafan dan diletakkan tanah di pipi kanan, belakang tengkuk, bahu dan dua lutut bagi mengelakkan jenazah daripada terlentang. Rapat dan sentuhkan pipi kanan jenazah dengan tanah yang dimasukkan ke dalam keranda.

Makruh mengkebumikan jenazah dengan keranda kecuali:

- Tanah basah atau lembut.
- Jenazah yang sudah reput kerana kebakaran atau hangus.
- Jenazah yang tidak boleh diletakkan dengan baik kecuali dengan keranda.
- Jenazah perempuan yang tidak mempunyai mahram.




**Gambarajah:  
Jenazah Dikebumikan Menggunakan Keranda**

- x. Makruh diletakkan bantal atau sebarang alat penyendal selain daripada tanah.
- xi. Harus mengkebumikan beberapa jenazah dalam satu liang.

Maksud hadis: Dari Hisham bin 'Urwah RA ia berkata: "Pernah datang kepada Rasulullah SAW beberapa orang Ansar pada hari perang Uhud, lalu mereka berkata: 'telah sampai kepada kami musibah, iaitu kepayahan dan mati serta luka-luka, bagaimanakah perintah engkau kepada kami?' Rasulullah SAW menjawab: "**Galilah lubang (kubur)**, dan dalamkan dan lapangkanlah kemudian **masukkanlah dua atau tiga orang laki-laki ke dalam kubur itu.**" Ditanya orang pula: Manakah di antara mereka yang akan didahulukan?' Ia berkata: "Mereka yang paling banyak menghafal al-Quran."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi)

Begitulah cara mengkebumikan jenazah di medan perang. Boleh dikebumikan di dalam satu kubur. Jika jenazah itu matinya bukan di medan perang, seperti di rumah dan sebagainya maka disunatkan membuatkan lahad.



Petunjuk:

1. jenazah
2. bantal tanah sebagai penyendal

### Gambarajah: Keratan Rentas Dari Kepala Jenazah Dikebumikan Beramai-Ramai

Menimbus kubur

- i. Afdhal dilakukan oleh orang lelaki
- ii. Disunatkan bagi orang yang menghadiri pengkebumian jenazah memasukkan tiga genggam tanah ke dalam sebelum ditimbas dengan sempurna sambil membaca ayat berikut:
  - Genggamanpertama:



Maksudnya: Dan bumiilah tempat kami ciptakan kamu

- Genggaman kedua:

وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ ﴿١﴾

Maksudnya: Dan ke dalamnya kami akan mengembalikan kamu

- Genggaman ketiga:

وَمِنْهَا تُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى ﴿٢﴾

Maksudnya: Dan daripadanya pula kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi

- iii. Hendaklah beradaab ketika menimbus tanah ke dalam kubur seperti menahan tanah dengan menggunakan sebarang peralatan yang sesuai seperti tikar atau lainnya bagi menghormati dan tidak menyakiti jenazah.
- iv. Sunat meninggikan kubur sekadar satu jengkal daripada permukaan tanah untuk menjadi tanda kepada para pengunjung dan mengelakkan pengkebumian jenazah baru pada kubur yang sama.
- v. Lebih utama diratakan permukaan kubur dan elok diletakkan batu-batu kecil atau batu nisan sebagai tanda (dengan tidak keterlaluan).
- vi. Haram membuat binaan di atas kubur tanah wakaf. Makruh membuat binaan di atas kubur tanah persendirian dan haram jika melibatkan pembaziran harta atau bermegah-megah.

Menggali semula kubur atau memindahkannya.

- i. Wajib menggali semula kubur atas sebab:
  - Jenazah dalam keadaan tidak menghadap kiblat.
  - Jenazah yang tidak dimandikan atau ditayammumkan.
  - Jenazah yang tidak dikafarkan.

- Jenazah yang dikafan dengan kain yang dimiliki secara tidak sah atau kain sutera.
  - Jenazah yang ditanam di tanah yang dirampas (melanggar undang-undang).
  - Jenazah dipercayai ada menelan benda berharga semasa hidupnya seperti permata.
  - Jenazah ditanam di atas tanah hak dan harta orang.
  - Jenazah wanita yang ada janin di dalam perutnya yang diharapkan hidup yang berusia enam bulan ke atas.
  - Tanah perkuburan yang terkena banjir atau bencana.
  - Mayat orang kafir yang ditanam di tanah haram Makkah.
  - Jenazah yang diperlukan untuk siasatan kes mahkamah.
- ii. Harus digali semula jika jenazah itu telah hancur menjadi tanah dengan syarat tidak tinggal seketul tulang pun atas sebab-sebab yang diharuskan syara' iaitu:
- Mengkebumikan jenazah baru.
  - Mendirikan rumah.
  - Membina jalan awam dan lain-lain manfa'at yang disahkan oleh pihak berkuasa untuk kepentingan umum.

Adab-adab di tanah perkuburan

- i. Sunat memberi salam ketika memasuki kawasan tanah perkuburan dengan ucapan:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٌ مُؤْمِنِينَ وَإِنَّ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَا حَرْجُونَ

Maksudnya : "Sejahtera ke atasmu wahai penghuni rumah orang yang beriman. Kami akan bersama-sama mu sekiranya Allah mengkehendakinya."

(Riwayat Muslim)

- ii. Sunat membaca ayat-ayat al-Qur'an dan berdo'a supaya si mati dan mereka yang hadir mendapat rahmat.

- iii. Meletakkan atau mencacak pelelah/dahan/pokok yang masih basah

Maksud Hadith: Dari Ibnu Abbas RA Dari Nabi SAW: Bahawasanya Nabi SAW melalui dua kuburan lalu baginda SAW bersabda: "Sesungguhnya kedua-duanya sedang diseksa, dan mereka tidak diseksa kerana perkara yang besar tetapi cukup berat dosanya. Adapun salah seorang dari keduanya kerana ia tidak membersihkan diri dari air kencingnya sedangkan yang seorang lagi selalu mengadu domba. Kemudian baginda SAW mengambil pelelah kurma yang masih basah, terus membelahnya menjadi dua bahagian, kemudian setiap kubur dari kedua orang itu dicacak yang separuh bahagian dari pelelah kurma tersebut. Para sahabat lalu bertanya : Untuk apakah engkau melakukan itu wahai Rasulullah? Baginda SAW menjawab: "Semoga akan diringankan seksa kedua orang ini selama pelelah itu belum kering.

**(Riwayat Bukhari)**

- iv. Sunat menyiram air di atas kubur untuk memantapkan tanah kubur. "Bahawa Nabi SAW menyiram air ke atas kubur anaknya Ibrahim dan menaruh batu-batu kecil di atasnya"

**(Riwayat Sa'id bin Mansur dan Ibn Majah)**

- v. Sunat menunggu sehingga jenazah selesai dikebumikan.
- vi. Menginsafi diri dan tidak melakukan perkara-perkara yang sia-sia seperti berbual-bual, menghisap rokok dan sebagainya.
- vii. Berpakaian menutup aurat.
- viii. Dilarang memeluk dan mencium batu.
- ix. Dilarang duduk, bersandar dan bertelesku di atas kubur.
- x. Dilarang memijak atau melangkah kubur kecuali jika terdesak.

- xii. Dilarang sembahyang di atas kubur kecuali sembahyang jenazah
- xiii. Dilarang bercampur gaul di antara lelaki dan perempuan bukan mahram.
- xiv. Haram melakukan perkara khurafat yang membawa kepada syirik: (memohon hajat atau memuja kubur).
- xv. Haram meniup sebarang bunyi-bunyian ketika acara pengkebumian.

## 7. > MEMBACA TALQIN

Menurut pendapat Mazhab Syafi'i dan Hanbali sunat dibaca talqin selepas mayat dikebumikan. Sebaik-baiknya orang yang membaca talqin duduk setentang dengan kepala jenazah dalam keadaan membelakangkan kiblat.

Dalam satu riwayat, pernah Rasulullah SAW sebaik selesai mengkebumikan mayat baginda berdiri di tepi kubur lalu bersabda :

*"Mohonkanlah ampun bagi sedara kamu dan mohonkanlah semoga Allah menjadikan iktikadnya tetap teguh berdasarkan kalimah tauhid kerana dia (simati) sekarang sedang disoal".*

*(Hadis Riwayat Uthman bin Affan)*

Dalam bacaan talqin ketika disebut nama disimati sebutlah nama ibunya. Jika tidak diketahui nama ibunya sebutlah Hawa. Contoh "Muhammad bin Aminah" atau "Muhammad bin Hawa". Bacaan talqin bolehlah diakhiri dengan tahlil.

## 8. > KENDURI ARWAH

### Kenduri dan Tahlil.

- i. Kenduri adalah jamuan. Tahlil merupakan bacaan (اللّٰهُ أَكْبَرُ لَا إِلٰهَ إِلَّا هُوَ). Majlis Tahlil mengandungi bacaan daripada ayat-ayat al-quran, selawat, zikir dan diakhiri dengan doa yang dikhususkan kepada arwah. Bagi yang berkemampuan disunatkan menjamu tetamu yang hadir.
- ii. Hukum mengadakan Majlis Tahlil dan Kenduri Arwah adalah harus, asalkan tidak menggunakan harta peninggalan/pusaka si mati tanpa redha waris. Ahli keluarga juga digalakkan untuk berkumpul bersama-sama ketika mengadakan majlis ini bagi mendoakan si mati.
- iii. Disunatkan jiran tetangga memberi makan dan minum kepada keluarga si mati yang sedang bersedih pada hari kematian.

Perkara yang perlu dielakkan dalam majlis kematian.

Mewajibkan majlis kenduri pada hari-hari tertentu kerana kepercayaan seperti berikut:

- Diadakan selama tiga hari berturut-turut sempena pengkebumian jenazah;
- Diadakan selepas tujuh hari kematian kerana pecah perut jenazah;
- Diadakan selepas empat puluh hari kematian kerana roh berpisah dari waris;
- Diadakan selepas seratus hari kematian kerana turun batu nisan;
- Diadakan Hari Haul (ulang tahun) kematian sebagai suatu kemestian yang wajib ditunaikan.

Kepercayaan yang dikaitkan dengan amalan tersebut adalah dilarang oleh syara'. Walaubagaimanapun kenduri untuk memberi sedekah dan berdoa dengan niat pahalanya untuk si mati harus dilakukan sepanjang masa dan tidak terikat dengan hari-hari tertentu.

## ➤ PERBUATAN YANG DILARANG

---

- i. Meratapi jenazah.
- ii. Membawa jambangan bunga dan seumpamanya bersama-sama jenazah.
- iii. Membalut batu nisan dengan kain putih.
- iv. Mencacakkan payung di atas kubur.
- v. Memasang pelita di luar rumah selepas kematian.
- vi. Menciumkan jenazah dengan 3 gumpal tanah sebelum ditimbus.
- vii. Melaungkan azan ketika jenazah diturunkan dari rumah.
- viii. Menetapkan hari dan jumlah tertentu untuk membaca al-Quran dan tahlil atas kubur.
- ix. Menetapkan langkah-langkah tertentu untuk membaca fatihah ketika mengusung Jenazah.
- x. Menggunakan harta si mati tanpa redha waris untuk disedekahkan kepada orang ramai ketika bertahlil.

## ➤ PENUTUP

---

Bagi memastikan tanggungjawab fardhu kifayah ini dapat dilaksanakan mengikut kehendak syariat Islam, maka setiap individu Islam wajib mempelajari kaifiat pengurusan jenazah agar dapat melaksanakan amal bakti terakhir kepada ahli keluarga khususnya dan masyarakat Islam amnya.



Jabatan Mufti Negeri Selangor,  
Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon :03-55143738. Fax :03-55197584  
E-mail : mufti\_sel@selangor.gov.my